

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN : 22

Tuan Ramli bin Mohd Nor [Cameron Highlands] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan senario keadaan ancaman jenayah, kekerasan, harta benda, dan komersial bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 sama ada wujud peningkatan jenayah dalam kategori tersebut dan jika wujud apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh pihak Kementerian dan PDRM bagi mengurangkan perasaan kurang selamat dalam kalangan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akur akan kebimbangan rakyat terhadap perlakuan jenayah yang berlaku dalam negara. Kerajaan akan terus melaksanakan program-program pencegahan jenayah sebagai usaha holistik dan berterusan dalam menangani jenayah. Dalam mengekang kegiatan jenayah, pihak PDRM telah melaksanakan beberapa strategi untuk mencegah jenayah di antaranya adalah seperti berikut:-

- i) Selaras dengan arus pemodenan ini, pihak Polis telah mengambil inisiatif baru dengan mencipta satu aplikasi bagi merencanakan aktiviti pencegahan jenayah melalui pendaftaran aplikasi Volunteer Smartphone Patrol (VSP). Aplikasi ini, memberi kemudahan kepada pengguna telefon pintar untuk menyalurkan maklumat atau aduan dilengkapi gambar dan video. Setiap maklumat pengguna aplikasi ini dirahsiakan bagi menjamin keselamatan pengguna;
- ii) Mengadakan rondaan secara berjalan kaki (*Bit and Patrol*), bermotosikal (Unit Rondaan Bermotosikal) dan berkereta (*Mobile Patrol Vehicle*) di kawasan-kawasan tumpuan ramai. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik adalah bersesuaian dengan konsep "*Police Omnipresence*" dan akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah;
- iii) Dalam usaha memerangi jenayah, PDRM telah mewujudkan Unit Risikan Jenayah Bersepadu (Central Criminal Intelligence Unit- CCIU) dengan mengguna pakai konsep "*Intelligence lead policing*" iaitu sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah akan dibuat untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah dengan lebih efektif; dan

SOALAN NO : 22

iv) Program AMANITA merupakan inisiatif untuk mendekati suri rumah, melalui program AMANITA golongan wanita akan di beri penerangan dalam memastikan keselamatan diri sentiasa terjamin dan menjadikan suri rumah sebagai mata dan telinga kepada polis bagi melaporkan kejadian jenayah yang berlaku di persekitaran mereka.

Statistik jenayah bagi jenayah kekerasan adalah sebanyak 21,366 bagi tahun 2017 manakala pada tahun 2018 adalah sebanyak 16,902 kes dilaporkan. Daripada kedua-dua angka ini, berlaku penurunan sebanyak 4,464 kes dilaporkan. Statistik jenayah bagi jenayah harta benda pula bagi tahun 2017 adalah sebanyak 77,802 manakala pada tahun 2018 adalah sebanyak 71,760 kes dilaporkan. Daripada kedua-dua angka ini, berlaku penurunan sebanyak 6,042 kes dilaporkan. Statistik jenayah komersil mengikut jenis kesalahan bagi tahun 2017 adalah sebanyak 28,575, manakala bagi tahun 2018 sebanyak 24,262 kes dilaporkan. Daripada kedua-dua angka ini, berlaku penurunan sebanyak 4,313 kes dilaporkan.

Usaha untuk memerangani jenayah bukan hanya terletak di bahu pihak penguatkuasa semata-mata, tetapi tugas sedemikian harus juga dipikul oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi politik, keturunan bangsa, dan kepercayaan agama masing-masing. Masyarakat memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat tentang sebarang aktiviti jenayah yang berlaku di persekitaran mereka kepada pihak berkuasa.